

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld.4 ( 33 )

13 Disember 2016  
13 Rabiulawal 1438

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 35/2016

### PELAKSANAAN PENAMBAHBAIKAN PENILAIAN PRESTASI STAF AKADEMIK (eLPPT) TAHUN 2016 MENGAMBIL KIRA MARKAH USAHA MENDAPATKAN GERAN PENYELIDIKAN BAGI KOMPONEN BONUS

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Bil. 24/2016 bertarikh 5 Disember 2016 telah bersetuju untuk mengiktiraf usaha staf dalam mendapatkan geran penyelidikan dengan pemberian markah melalui laluan bonus mulai penilaian tahun 2016.

3. Penambahbaikan di dalam komponen bonus bagi markah usaha tersebut telah diputuskan seperti berikut:

3.1 Pemarkahan diberikan dengan markah maksimum 5% di atas markah keseluruhan;

3.2 Markah akan dikira daripada jumlah geran yang dipohon pada tahun tersebut daripada senarai Geran Penyelidikan Umum seperti berikut:


- a) *Fundamental Research Grant Scheme (FRGS)*
- b) *Prototype Research Grant Scheme (PRGS)*
- c) *Public Private Research Network (PPRN)*
- d) *Knowledge Transfer Program (KTP)*
- e) *Science Fund*
- f) *Contract Research Grants*
- g) *International Grants*
- h) TRGS (yang layak)
- i) RGS (yang layak)

- 3.3 Setiap tiga (3) geran yang dipohon dan telah dinilai akan diberi satu (1) markah. Oleh itu, staf perlu memohon sekurang-kurangnya mana-mana 15 geran untuk mendapatkan maksimum lima (5) markah bonus. Staf juga boleh mendapat lebih daripada satu (1) markah dalam geran yang sama tetapi bagi tajuk penyelidikan yang berlainan;
  - 3.4 Staf perlu menyediakan bukti permohonan yang telah melalui proses penilaian dan memuat naik ke dalam sistem 7P dan disahkan oleh Ketua Kumpulan Penyelidikan (RG) atau Pegawai Penilai Pertama (Kedua) (PPP2). Bahan bukti yang diperlukan adalah surat jawapan penaja atau bukti penolakan dari badan pembiayaan;
  - 3.5 Kemasukan data ke dalam 7P ini bertujuan untuk tidak mengganggu sistem RADIS yang sedia ada yang khusus untuk pangkalan data *Malaysia Research Assessment Instrument II (MyRAII)*; dan
  - 3.6 Hanya usaha Ketua Projek sahaja yang diambil kira bagi pemarkahan ini. Ahli dalam cadangan penyelidikan tersebut tidak diberi sebarang markah.
4. Walau bagaimanapun, pemberian markah 'usaha' ini adalah bersifat sementara dan pihak Universiti boleh menarik semula atau menjumudkannya pada ketika ia tidak lagi dirasakan sesuai dalam menyokong usaha Universiti mengekalkan status Universiti Penyelidikan.
  5. Pihak Universiti berharap melalui usaha ini staf akan terus berusaha untuk mendapatkan geran penyelidikan melalui cadangan penyelidikan yang berkualiti seterusnya membantu mengekalkan status Universiti Penyelidikan (*Research University*) selaras dengan keperluan instrumen dalam *Malaysia Research Assessment Instrument II (MyRAII)*.

Sekian, terima kasih.

**"Berkhidmat untuk Negara kerana Allah"**

Yang benar,



**WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN**  
Pendaftar

- s.k.
- YBhg. Datuk Naib Canselor
  - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
  - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni)
  - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
  - Pengarah Kampus UTM Kuala Lumpur
  - Bendahari
  - Pengarah Kerja, Pejabat Harta Bina
  - Pegawai-Pegawai Kanan/ Dekan/Pengarah